

MyGDI NEWSLETTER

1. **Komitmen PGN**
2. **Pemeriksaan PGN**
3. **Libat Urus PGN**
4. **Penglibatan Strategik PGN**

Halaman 1-4
Halaman 4-7
Halaman 7
Halaman 8-9

1

Komitmen PGN: Memperkukuh Khidmat Runding Geospacial bersama Agensi



MCMC | 19 Mei

Ts. Rusliza Hanim binti Maarif, Pengarah Pusat Geospacial Negara (PGN), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) menerima kunjungan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bagi sesi temu bual berkaitan kajian Sistem Alamat Nasional (NAS) yang bertujuan membentuk sistem alamat berpusat, berautoritatif dan meningkatkan kecekapan perkhidmatan negara.



PEJABAT SUK KELANTAN | 20 Mei

PGN dan Pejabat Suk Kelantan julung kali menganjur bengkel bagi mempromosi peranan PGN sebagai peneraju MyGDI, memperkukuh kefahaman aplikasi geospacial serta menyokong agensi dalam pembangunan infrastruktur dan infostruktur geospacial.

UNIVERSITI MALAYA | 27 Mei

PGN menerima lawatan daripada pelajar tahun ketiga dalam jurusan Kejuruteraan Perisian, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat Universiti Malaya. Tujuan lawatan tersebut menemubual pihak PGN bagi mendapatkan maklumat teknologi terkini geospacial di PGN untuk projek akhir tahun bagi jurusan tersebut.



MyGDI NEWSLETTER




PETRONAS | 16 Jun

Mesyuarat bersama Pengarah Pusat Geospasial Negara (PGN), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dan Petrolim Nasional Berhad (PETRONAS) telah diadakan bagi membincangkan potensi kerjasama dalam perkongsian data geospasial PETRONAS dengan PGN. PETRONAS juga menyatakan hasrat untuk menjadi Agensi Pembekal Data (APD).

PRASARANA MALAYSIA BERHAD | 25 - 26 Jun

Kursus geospasial ini sebagai inisiatif memperkasa kefahaman GIS, seramai 11 pegawai Prasarana Malaysia Berhad didedahkan kepada asas QGIS dan aplikasi MyGeoTranslator, dibimbing tenaga-tenaga pakar PGN.



JAWHAR | 26 Jun

Perbincangan strategik antara Pusat Geospasial Negara (PGN), Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Pusat Sistem Maklumat Geografi Pulau Pinang (PeGIS) di Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) mengukuhkan integrasi maklumat tanah wakaf, memperkasa kolaborasi digital antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri demi pembangunan wakaf yang mampan.

JKR | 01 Julai

Mesyuarat bersama Cawangan Kejuruteraan Geoteknik, Jabatan Kerja Raya (JKR) membincangkan pemodelan profil sub-permukaan 2D/3D dan kolaborasi strategik bersama PGN di bawah Platform MyGOS bagi penyimpanan, paparan dan perkongsian data geoteknik nasional.



MyGDI NEWSLETTER



IWK | 23 Julai

Pusat Geospasial Negara (PGN) telah menganjurkan lawatan teknikal ke Loji Rawatan Kumbahan Serantau Pantai 2 (RSTP Pantai 2), Pantai Dalam yang dikawal selia oleh pihak Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK). Delegasi didedahkan kepada penggunaan teknologi geospasial dan hijau dalam pengurusan pembetulan serta meninjau fasiliti operasi dan produk terhasil.

JTUS | 22 - 24 Julai

Pusat Geospasial Negara (PGN) bersama Jabatan Tanah dan Ukur Sabah (JTUS) menganjurkan Bengkel Semakan dan Pengemaskinian Pangkalan Data Nama Geografi (PDNG) Sabah di Kota Kinabalu, Sabah. Bengkel tersebut menggunakan Modul PDNG Editor atas talian dan menghasilkan Web Gazetir serta Dokumen Gazetir dengan penglibatan agensi-agensi di bawah negeri Sabah.



URS | 5- 6 Ogos

PGN, NRES menganjurkan Bengkel Kajian Keperluan Pengguna (URS) bagi Projek Data Geospasial Johor bersama BPEN dan PLANMalaysia Johor untuk mengenal pasti kaedah verifikasi, proses pembangunan data serta keperluan projek agar memenuhi kehendak pengguna dan selaras objektif.

MPK | 12 - 13 Ogos

Pusat Geospasial Negara (PGN) telah menganjurkan bengkel spesifikasi keperluan bisnes untuk mengenal pasti dan memperincikan keperluan data serta kefungsiannya bagi pembangunan Aplikasi Kemaman GIS (KGIS), Majlis Perbandaran Kemaman (MPK), Terengganu.

MyGDI NEWSLETTER



GEOMATIKA TVET COLLEGE | 27 Ogos

Pusat Geospasial Negara (PGN) menerima kunjungan lawatan akademik yang diketuai oleh Puan Nurul Hidayatul Nazirah binti Othman, bersama pelajar daripada Program Ijazah Sarjana Muda Geoinformatik, Diploma Sistem Maklumat Geografi (GIS), Diploma Geomatik dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Geospasial. Lawatan bertujuan memberikan pendedahan mengenai aplikasi dan operasi teknologi geospasial di samping memahami peranan PGN sebagai penyelaras Program MyGDI.



2

Pemeriksaan PGN: Memantapkan Peranan sebagai Penyelaras MyGDI

Mesyuarat ke-17 KKPDNG membentangkan laporan kemajuan dan aktiviti yang telah dilaksanakan bagi tempoh 20 Mei 2024- 19 Mei 2025 | 20 Mei | Putrajaya

PGN, NRES selaku pengerusi Kumpulan Kerja Pangkalan Data Nama Geografi dan Gazetir Kebangsaan (KKPDNG) dan sekretariat untuk menyelaras pembangunan PDNG dan penerbitan Gazetir Kebangsaan. Mesyuarat kali ke-17 membentangkan kemajuan, Pelan Tindakan 2025 – 2026 serta perkongsian wakil negeri berkaitan penamaan nama geografi di peringkat negeri.

MyGDI NEWSLETTER



Mesyuarat pembentangan akhir Proof of Concept (PoC) bagi platform Supermap | 26 Mei | Putrajaya

MAP2U membentangkan hasil akhir POC platform Supermap bersama PGN, menampilkan keupayaan aplikasi GIS 3D, visualisasi interaktif dan analisis geospasial, serta membincangkan keperluan ICT, pelesenan dan sokongan teknikal.



Lawatan penanda aras bagi kajian pemusatan perkhidmatan geospasial sektor awam | 12 Jun | Cyberjaya

Lawatan penanda aras ke Jabatan Digital Negara (JDN) telah diadakan bagi tujuan mendapatkan khidmat nasihat dan input berkaitan amalan terbaik dalam merangka pelan tindakan awal bagi kajian pemusatan perkhidmatan geospasial sektor awam.



Mesyuarat KKMLGT Maklumat Geografi/ Geomatik Bilangan 1 Tahun 2025 | 19 Jun | Putrajaya

Mesyuarat Kumpulan Kerja Multi-Lingual Glossary of Terms (KKMLGT) dipengerusikan oleh YBrs. Sr Gs. Dr. Mohammad Zakri bin Tarmidi, Pensyarah Kanan Jabatan Geoinformasi Fakulti Alam Bina dan Ukur Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan penyertaan JUPEM, DBP, DOA, JDN, MYSA dan PHN. Tujuan utama adalah menyelaraskan terjemahan istilah geospasial ke Bahasa Melayu mengikut standard ISO/TC 211.

Perlaksanaan audit luar ISO/IEC 27001:2022 Information Security Management System (ISMS) | 19-20 Jun | PGN, Putrajaya

Audit Luar ISMS oleh SIRIM QAS mengesahkan PGN layak menerima persijilan semula ISO/IEC 27001:2022, hasil pengurusan data selamat dan cekap di bawah MyGDI serta komitmen kukuh Pasukan ISMS PGN.



MyGDI NEWSLETTER



Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras MyGDI Kebangsaan (JPMK) kali ke-15 tahun 2025 | 20 Jun | Putrajaya

Mesyuarat JPMK Ke-15 dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli), Puan Norsham binti Abdul Latip dan diurus setia oleh Pusat Geospasial Negara (PGN) membincang hala tuju geospasial negara. Fokus mesyuarat termasuk pemantauan data, pengukuhan kolaborasi, sokongan teknologi baharu serta pelaporan status oleh jawatankuasa-jawatankuasa teknikal MyGDI.

Mesyuarat Kumpulan Kerja Standardisasi Kod dan Warna simbol (KWS) Bilangan 1 Tahun 2025 | 17 Julai | Putrajaya

Mesyuarat Kumpulan Kerja Standardisasi Kod dan Warna Simbol (KWS) kategori Aeronautical dipengerusikan oleh Sr Rosmartini binti Abd Rahman, Ketua Penolong Pengarah, Seksyen Polisi dan Outreach bagi membincangkan cadangan serta persetujuan kod dan warna simbol fitur Aeronautical. Mesyuarat melibatkan agensi seperti CAAM, MAHB, TUDM, JUPEM dan lain-lain.



Kursus Pengurusan Maklumat Geoinformatik (Asas) Anjuran Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia | 16-18 Julai | Melaka

JKR telah menganjurkan Kursus Pengurusan Maklumat Geoinformatik (Asas) dengan kerjasama PGN sebagai tenaga pengajar. Kursus merangkumi pengenalan GIS, MyGeoTranslator, sistem koordinat, webmap dan pembangunan aplikasi melalui Platform MyGOS. PGN turut mempromosikan perkhidmatan utama MyGDI bagi menyokong projek pembangunan infrastruktur.

MyGDI NEWSLETTER



Lawatan Teknikal Agensi Tunjak dan Custodian Data Kategori Transportation ke Bahagian Geospatial Pertahanan (BGSP) | 24 Julai | JUPEM

BGSP, JUPEM menerima lawatan Teknikal Agensi Tunjak dan Custodian Data Kategori Transportation. Delegasi meninjau pelaksanaan platform Defence Geospatial Information Management (DGIM), menyaksikan demonstrasi Geospatial Mobile System (GSMS) dan UAV serta pembentangan projek Proof of Concept (PoC) di Tangkak, Johor

Bengkel Kajian Keperluan Pengguna (URS) Data Geospatial Negeri Wilayah Persekutuan Putrajaya | 11-13 Ogos | Putrajaya

Pusat Geospatial Negara (PGN), Kementerian Sumber Asli Dan Kelestarian Alam (NRES) telah melaksanakan Bengkel Kajian Keperluan Pengguna (URS) Bagi Projek Perkhidmatan Pengemaskinian, Verifikasi Dan Pembangunan Data Geospatial untuk Negeri Wilayah Persekutuan Putrajaya. Bengkel ini telah melibatkan pegawai PGN dan wakil daripada Perbadanan Putrajaya (PPJ).



Mesyuarat KKMLGT Bilangan 2 Tahun 2025 | 19 Ogos | UTM, Johor

Kumpulan Kerja Multi-Lingual Glossary of Terms (KKMLGT) Maklumat Geografi/Geomatik diwujudkan untuk menterjemah dan menentukan bidang serta sub bidang istilah-istilah Multi-Lingual Glossary of Terms (MLGT) berdasarkan dokumen ISO/TC 211 MLGT - Release 5 Terminological Records dari bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu. dipengerusikan oleh YBrs. Sr Gs. Dr. Mohammad Zakri bin Tarmidi.



Kursus Dalaman MyGeoTranslator kepada kakitangan PGN | 21 OGOS | Putrajaya

Kursus MyGeoTranslator bertujuan memberi pendedahan yang lebih mendalam mengenai penggunaan aplikasi tersebut, merangkumi aspek teori dan juga sesi *hands-on* bagi meningkatkan kemahiran serta kefahaman peserta dalam mengaplikasikan fungsi MyGeoTranslator dengan lebih efektif.



MyGDI NEWSLETTER

3

Libat Urus PGN:
Menyampaikan Kepakaran
melalui Jemputan Agensi



Hari GIS JMG | 15 Julai | Putrajaya

PGN, NRES telah mengambil bahagian dalam Program Jerayawara (Outreach) Rakan Strategik Hari GIS 2025 anjuran Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) dengan kerjasama ESRI Malaysia dan Kelab Kebajikan dan Sukan Ibu Pejabat (KESKIP) JMG.

**Penglibatan Strategik PGN:
Menyokong Pembangunan
Industri Geospasial**

4

**Pelancaran aplikasi Malaysia
Drug Profiling System (MyDPS) |
13 Mei | Putrajaya**



Pelancaran aplikasi MyDPS telah disempurnakan oleh Yang Berhormat, Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Dalam Negeri. Kolaborasi AADK bersama PGN, NRES ini yang telah dimulakan sejak tahun 2019 bertujuan untuk memantau serta melaporkan status semasa berkaitan penyalahgunaan dan penagihan dadah di Malaysia.

ICAEG 2025 | 24-25 Mei | MADAD, Kedah

PGN, NRES telah menyertai pameran sempena program International Carnival On Community Awareness, Entrepreneur And Geomatic 2025 yang dianjurkan oleh Murthada Dakwah Centre (MADAD), Sungai Petani, Kedah. Program ini merupakan satu inisiatif khidmat komuniti bagi memperkasa komuniti dengan ilmu berkaitan geomatik, keusahawanan dengan penerapan nilai-nilai awal remaja Islam.



MyGDI NEWSLETTER

Majlis Peluncuran Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Perak | 4 Jun | Perak

Encik Hanafi bin Bujang, Ketua Penolong Pengarah, Seksyen Pusat Data, Komunikasi dan Keselamatan ICT, Cawangan Infrastruktur ICT telah hadir mewakili PGN di Majlis Peluncuran Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Perak 2030 dan Blueprint Bandar Pintar Negeri Perak 2040 anjuran Kerajaan Negeri Perak.



ESRI User Conference 2025 | 14-18 Julai | California, United States

Ts. Rusliza Hanim binti Maarif, Pengarah Pusat Geospasial Negara (PGN) bersama Dr. Azira binti Ibrahim, Ketua Penolong Pengarah, Seksyen Aplikasi GIS, Cawangan Aplikasi Geospasial menghadiri Esri User Conference 2025 yang bertempat di San Diego Convention Center, California, United States.

Persidangan Alamat Nasional 2025 | 16 – 17 Julai | Kuala Lumpur

Persidangan ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Fahmi Fadzil, Menteri Komunikasi Malaysia dan menghimpunkan pelbagai agensi kerajaan, pemain industri serta pihak berkepentingan bagi membincangkan hala tuju pemerkasaan sistem alamat digital negara.

